

Felda ke BSKL hujung tahun

UM - 5 OCT 2003

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Penyenaraian Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dijangka berkuat kuasa hujung tahun ini dianggap satu pengiktirafan besar kepada syarikat perladangan tempatan dan yang terbesar di dunia itu.

Pengerusi Kumpulan Fel-

da, Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor berkata, pihaknya menyanjung tinggi keputusan kerajaan itu dan berjanji akan memastikan Felda terus mantap pada masa akan datang.

“Keputusan itu amat disanjung tinggi” dan merupakan satu pengiktirafan be-

sar kepada Felda,” katanya kepada pemberita selepas majlis Manifestasi Perdana Seni Khat 2003 di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini, hari ini.

Tambahnya, pihak Felda juga berterima kasih kerana penyenaraian itu tidak menjejaskan kedudukan tanah peneroka.

Sewaktu membentangkan Bajet 2004 baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan penyenaraian Felda dalam BSKL yang membolehkan ladang seluas 400,000 hektar itu yang dimiliki sepenuhnya oleh agensi tersebut dikomersialkan.